

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

**AAW 314 - PENGAUDITAN 1**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **semua** soalan.

---

1. (a) Anda telah ditugaskan untuk menamatkan pengauditan penyata kewangan Syarikat EON bagi tahun berakhir 1998. Akauntan kanan dan pembantunya yang tidak berpengalaman terpaksa dikejar ke hospital kerana telah mengalami kemalangan jalanraya. Pengauditan telah separuh tamat. Laporan audit anda harus diserahkan kepada pihak pelanggan di dalam masa tiga minggu sepertimana yang telah dipersetujui oleh firma anda. Anda menganggar memerlukan sekurang-kurangnya tempoh lima minggu lagi untuk menamatkan pengauditan anda. Firma tidak boleh menyediakan pembantu untuk anda.

Kertas kerja menunjukkan status serta jenis kerja yang dijalankan seperti berikut:

- **Telah diselesaikan** - Tunai, aset tetap, susutnilai, gadaijanji belum bayar dan ekuiti pemilik, inventori, akaun belum bayar, ujian keatas urusan belian dan gaji.
- **Belum dijalankan** - Akaun belum terima, tatacara penggalan ke atas inventori yang diterima, belanja terakru belum bayar, ujian liabiliti yang belum dicatatkan, ujian keatas urusan jualan, ujian keatas tolakan yang boleh dibuat ke atas gaji, pemerhatian ke atas pengagihan cek kepada kakitangan, belanja lain, tatacara analitikal yang boleh dibuat ke atas operasi, membauc urusan belian bulan Disember, laporan audit, penilaian risiko kawalan, surat kelemahan, cadangan kepada pihak pengurusan untuk memperbaiki tataranya, meneliti minit mesyuarat, dan penyemakan menyeluruh keatas kerja pengauditan yang telah dijalankan.

...2/-

Penyemakan sepintas lalu ke atas kertas kerja menunjukkan ia adalah tidak mencukupi dan tidak disemak oleh akauntan kanan. Contohnya, kertas kerja inventori menunjukkan indeks, penerangan dan rujuk silang yang tidak mencukupi.

- (i) Anda dikehendaki menyata dan menjelaskan piawai pengauditan pelaksanaan yang tidak dipatuhi oleh akauntan kanan dan pembantunya yang terdahulu.
- (ii) Anda dikehendaki menyata dan menjelaskan kerja yang harus dijalankan secepat mungkin dan menyata dan menjelaskan kerja yang boleh ditangguhkan selepas laporan audit dikeluarkan.

[15 markah]

- (b) Anda telah menemui beberapa eksekutif Syarikat Pandora untuk membincangkan pelantikan firma anda mengaudit penyata kewangan syarikat tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 1998. Salah seorang eksekutif tersebut telah mencadangkan kerja audit dibahagikan kepada kumpulan audit dengan cara berikut: juruaudit pertama ditugaskan memeriksa akaun aset, juruaudit kedua memeriksa akaun liabiliti dan juruaudit ketiga memeriksa akaun hasil dan belanja. Seorang eksekutif lain mencadangkan juruaudit keempat meneliti belanja pengiklanan kerana ia merupakan belanja terbesar syarikat.

- (i) Bolehkah seorang juruaudit mengikuti cadangan pelanggannya di dalam menentukan bagaimana pengauditan boleh dijalankan? Bincangkan.
- (ii) Jelaskan kenapa kerja audit tidak boleh dibahagikan mengikut kategori aset, liabiliti, belanja dan hasil.

[10 markah]

- 2. Bincangkan perkara utama yang perlu diambil kira semasa mengaudit item kunci kira-kira berikut:

- (a) Loji dan Jentera
- (b) Kenderaan motokar
- (c) Akruan
- (d) Liabiliti Kontingen
- (e) Pinjaman dari Syarikat Kewangan Mayban Berhad

[20 markah]

...3/-

3. (a) Laporan audit seharusnya mengandungi pendapat atau satu pernyataan yang menyatakan pendapat tidak boleh dikeluarkan. Empat jenis pendapat yang memenuhi keperluan ini seperti di dalam AI 700 adalah laporan bersih, laporan bersyarat, berlawanan dan menafikan. Bagi setiap keadaan di bawah ini, nyatakan jenis pendapat yang sesuai dikeluarkan.
- (i) Di dalam pemeriksaan yang dijalankan, akauntan mendapati sejumlah material aset pelanggan, Syarikat Kenang Budi, telah disalahgunakan melalui penipuan. Syarikat enggan membenarkan juruaudit menambahkan skop pemeriksaan untuk menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut lagi.
  - (ii) Juruaudit sedang menjalankan pemeriksaan penyata kewangan Syarikat Sopan Santun bagi kali pertama. Pada tahun lepas, pendapat bersih telah dikeluarkan ke atas penyata kewangan syarikat oleh juruaudit terdahulu. Juruaudit terdahulu ini tidak dikenali oleh juruaudit semasa. Juruaudit semasa merasakan penyata kewangan tahun ini telah dinyatakan secara benar dan saksama. Juruaudit semasa ingin menguji beberapa urusan niaga tahun lepas untuk menentukan kesahihannya tetapi tidak dibenarkan oleh syarikat tersebut. Juruaudit semasa enggan memikul tanggungjawab ke atas kerja yang telah dijalankan oleh juruaudit terdahulu.
  - (iii) Selepas tamat tempoh fiskal perakaunan, seorang penghutang Syarikat Berbudi Bahasa telah menjadi mufliis oleh sebab beberapa kejadian yang tidak dijangka telah berlaku. Penghutang tersebut telah mengesahkan bahawa baki hutangnya adalah benar **pada** tarikh kunci-kira-kira. Syarikat Berbudi Bahasa enggan mendedahkan maklumat berhubung dengan kejadian ini kerana mengikutnya, kejadian terjadi **selepas** tarikh kunci kira-kira. Juruaudit berpendapat penyata kewangan telah dinyatakan dengan benar dan saksama **pada** tarikh kunci kira-kira.
  - (iv) Syarikat Comel Molek menjalankan perniagaan barangan merbahaya dan dengan ini tidak berjaya mendapatkan insurans daripada mana-mana agensi insurans. Sebahagian besar barangan tersebut (dan material jumlahnya) boleh dihapuskan jika sesuatu kemalangan yang serius berlaku. Syarikat mempunyai rekod keselamatan yang terpuji dan tidak pernah mengalami sebarang kemalangan di tahun-tahun lepas.
- [10 markah]
- (b) Senaraikan kelemahan yang terdapat di dalam laporan audit ini. Jelaskan bagaimana laporan ini harus diperbaiki. Perbincangan anda hendaklah dihadkan kepada bahagian laporan yang diberikan sahaja dan anda tidak perlu membincangkan perkara lain seperti tarikh, alamat, tandatangan dan kepada siapa ia patut ditujukan.

...4/-

- (i) Saya telah menjalankan pemeriksaan ke atas kunci kira-kira dan segala rekod perakaunan syarikat. Dengan ini, saya ingin mengesahkan bahawa mengikut pendapat saya kunci kira-kira memenuhi syarat sepertimana yang digariskan didalam jadual kesembilan Akta Syarikat 1965 dan telah menunjukkan keadaan yang betul dan tepat mengenai kedudukan kewangan syarikat.
- (ii) Kunci kira-kira Syarikat Cumi pada 31 Disember 1998 dan penyata pendapatan dan aliran tunai bagi tahun berakhir yang sama telah tidak diauditkan oleh kami. Walau bagaimanapun, kami telah mengesahkan baki bank dan telah menjalankan pemeriksaan secara am ke atas penyata tersebut.

Di sepanjang pelantikan kami, tiada suatu perkara pun yang telah kami kenalpasti yang menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan secara benar dan saksama kedudukan kewangan Syarikat Cumi pada 31 Disember 1998. Walau bagaimanapun, kami tidak mengeluarkan pendapat keatas penyata-penyata tersebut.

- (i) Saya telah menjalankan pemeriksaan mengikut piawaian pengauditan yang diterima umum. Walau bagaimanapun saya tidak bebas dari Syarikat Mal Vista kerana isteri saya memegang 10% saham di dalam syarikat tersebut. Kunci kira-kira dan penyata yang berhubungan dengannya tidak diaudit oleh saya dan dengan ini saya tidak mengeluarkan pendapat ke atasnya.

[10 markah]

4. Di sepanjang tempoh audit, anda telah menemui perkara berikut:

- (a) di dalam beberapa dokumen, salinan karbon keempat menunjukkan angka yang lebih terang dari yang lain
- (b) kad sewa bagi tiga orang penyewa yang menunjukkan jumlah sebenar dibayar telah hilang. Kehilangan kad sewa ini disedari semasa penyemakan dijalankan ke atas butiran pendapatan dari sewaan bangunan.
- (c) tandatangan di atas borang pesanan adalah sama dengan tandatangan di atas invois yang meluluskan pembayaran
- (d) bawcher beberapa perbelanjaan yang dibayar melalui tunai menunjukkan peningkatan jumlah bayaran tanpa sesuatu sebab

Anda dikehendaki menggariskan cara penipuan boleh dilakukan bagi setiap keadan dan menggariskan langkah yang tertentu untuk memastikan penipuan atau kesilapan tidak berlaku.

[20 markah]

...5/-

5. (a) Dalam pengauditan, suatu konsep yang terkenal ialah membauc (“vouching”). Jelaskan makna dan kepentingannya. Berikan dua contoh membauc.
- (b) Apakah perbezaan di antara membauc dan pengesanan (“tracing”? Berikan dua contoh pengesanan.
- (c) Juruaudit perlu mendapatkan bukti yang sesuai dan mencukupi dengan melaksanakan tatacara pematuhan dan substantif bagi membolehkan beliau memberi pendapat berasaskan penghasilan tatacara tersebut ke atas penyata kewangan.

Berhubung dengan kenyataan di atas, anda dikehendaki menerangkan secara ringkas maksud tatacara pematuhan dan tatacara substantif dan memberikan dua contoh bagi setiap satu tatacara.

[15 markah]

---ooo000ooo---